



جَابَةُ قَرْدَانَ مَنْتَرِي (حَالِ اِحْوَالِ كَامِرِ)
Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

**KELUARGA
MALAYSIA
KELUARGA SEJAHTERA**



Hakcipta@ 2022 JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Hakcipta terpelihara, sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

KELUARGA MALAYSIA : KELUARGA SEJAHTERA.

ISBN 978-983-042-676-1

1. Malaysia—Social policy.

2. Family policy—Malaysia.

3. Families—Malaysia.

4. Government publications—Malaysia.

361.6109595

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100, Putrajaya

No. Tel: 03-8870 7000

No. Faks: 03- 8870 7707

Laman Web: www.islam.gov.my

Rekabentuk dan dicetak oleh:

Visual Print Sdn Bhd

No. 47, 47-1, Jalan Damai Raya 1, Alam Damai, Cheras,
56000 Kuala Lumpur





ISI KANDUNGAN

6 MESEJ YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

7 MESEJ YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)

8 **BAB 1 : PENDAHULUAN**

11 Objektif Dokumen

12 **BAB 2 : KELUARGA MALAYSIA**

14 Visi
14 Matlamat
14 Hala Tuju Strategik
14 Bidang Tumpuan Utama
14 Asas Pembentukan Keluarga Malaysia
14 Nilai dan Ciri Keluarga Malaysia
15 Pengkayaan Nilai-nilai (Nilai 20)

16 **BAB 3 : KELUARGA MALAYSIA KELUARGA
SEJAHTERA**

18 Konsep Sejahtera
19 Aspirasi Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera
21 Elemen Sejahtera
22 Penerapan Kesejahteraan
24 Cabaran untuk Mencapai Kesejahteraan

32 **BAB 4 : TERAS KELUARGA MALAYSIA
KELUARGA SEJAHTERA**

34 Teras Pertama: Pemeliharaan Keharmonian
antara Kaum dan Penganut Agama





- 36 Teras Kedua: Pengukuhan Interaksi dan Hubungan antara Kaum
- 38 Teras Ketiga: Pemerkasaan Tadbir Urus

**40 BAB 5: TADBIR URUS KELUARGA MALAYSIA
KELUARGA SEJAHTERA**

- 42 Pendekatan Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera
- 42 Manfaat Pendekatan Maqasid Syariah
- 43 Pemeliharaan *Maslahah*
- 49 Garis Panduan Pemeliharaan *Maslahah*
- 50 Ciri-Ciri Tadbir Urus Keluarga
- 50 Malaysia Keluarga Sejahtera
- 50 Komponen Kejayaan Tadbir Urus
- 50 Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera




**50 BAB 6: MODEL MEKANISME PELAKSANAAN PADA
PERINGKAT AGENSI DI JABATAN PERDANA
MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

- 54 Pelaksanaan pada Peringkat Agensi di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwat Agama)
- 54 Inisiatif Mantap dan Penerapan Prinsip *Maslahah*

58 PENUTUP

59 RUJUKAN





(Petikan Ucapan Sulung **Perdana Menteri Malaysia**
pada 22 Ogos 2021)

MESEJ PERDANA MENTERI MALAYSIA

YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob

“

Marilah kita, dengan fikiran terbuka dan dada yang menerima, mencungkil persamaan dengan tidak lagi menggali perbezaan. Kita perlu bersepakat untuk menyelamatkan keluarga kita, iaitu Keluarga Malaysia.

Saya menggunakan pendekatan Keluarga Malaysia kerana frasa ini sifatnya lebih inklusif. Ia merentasi sempadan agama, bangsa, dan kaum. Di mana, kita menyedari kewujudan sesebuah keluarga yang berkahwin dengan pelbagai bangsa dan agama, tetapi nilai kekeluargaan telah mengikat mereka semua. Sebab itu, konsep Keluarga Malaysia diambil kerana bagi saya keutuhan negara terikat dengan nilai-nilai didikan sempurna dalam sesebuah keluarga.

”

MESEJ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad



Pendekatan Keluarga Malaysia menjadi hala tuju pentadbiran ini. Kita juga berhasrat agar Keluarga Malaysia ini mengandungi elemen Keluarga Sejahtera yang memiliki nilai-nilai kekeluargaan yang sebenar seperti saling menghormati, saling menyayangi dan saling tolong-menolong antara satu sama lain agar masyarakat harmoni dapat dibentuk. Seperti yang saudara sedia maklum, pada 1 September 2021, dalam ucapan sulung saya, lima Inisiatif Mantap telah saya letakkan sebagai landasan agensi Islam. Inisiatif ini bersifat tindakan (*program oriented*) dan terus ke lapangan.

Oleh yang demikian, selaras dengan pendekatan 'Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera' di peringkat agensi-agensi Islam, pelaksanaan pendekatan ini perlulah berpandukan kepada prinsip asas Maqasid Syariah yang memelihara kemaslahatan melalui penjagaan lima prinsip utama meliputi penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.



(Petikan Amanat **Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwat Agama)** sempena Perhimpunan Agensi-Agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwat Agama) pada 29 September 2021)



BAB 1

PENDAHULUAN



PENDAHULUAN

Dalam usaha untuk menjayakan gagasan Keluarga Malaysia, kita perlu sedar bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya. Kepelbagaian masyarakat Malaysia ini lahir daripada pengalaman sejarah Malaysia yang unik dan tersendiri. Proses pembangunan yang dilalui dan kemajuan yang dicapai oleh negara sehingga hari ini adalah hasil penyesuaian yang dilakukan terhadap aspek-aspek kemajmukan dari segi sosial, ekonomi dan politik. Pelbagai langkah telah dilakukan oleh pelbagai pihak dalam memastikan Malaysia dapat berkembang maju ke hadapan tanpa dihambat oleh faktor perbezaan kaum, agama dan budaya.

Kemajmukan masyarakat Malaysia ini, walaupun merupakan satu aset untuk negara, ia juga menyebabkan Malaysia sering berhadapan dengan isu-isu sensitif yang boleh menggugat ketenteraman dan keharmonian masyarakat. Isu-isu ini selalunya menyentuh soal-soal perbezaan kefahaman berkenaan agama, budaya dan kaum. Justeru, perbezaan dan kepelbagaian dari segi agama, etnik, dan budaya, termasuk politik, perlu ditangani dan diuruskan sebaik mungkin untuk mengelakkan tercetusnya sebarang perkara yang tidak diingini. Perkara ini, jika tidak diatasi dengan baik dan berhemah, akan menjadi halangan kepada proses pembinaan keharmonian dan perpaduan rakyat dalam negara ini serta merencatkan agenda pembangunan negara, termasuklah gagasan Keluarga Malaysia ini.

Sebagai sebuah negara majoriti Muslim dengan Islam sebagai agama Persekutuan, masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia harus diberi kefahaman bahawa Islam meraikan kepelbagaian dan Al-Quran telah menjelaskan perkara ini dengan sebaiknya menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Ia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan.”

(Surah Hud: 118)

Perkara ini juga ditegaskan oleh Allah SWT dalam ayat yang berikut:

“ Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan- Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”

(Surah Al-Hujurat: 13)


Selain itu, model kepimpinan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan juga pemimpin-pemimpin Islam sepanjang sejarah ketamadunan Islam dalam mentadbir masyarakat berlainan agama dan budaya dapat dijadikan teladan untuk mewujudkan keharmonian masyarakat di Malaysia ini. Baginda telah mewujudkan Piagam Madinah sebagai perlembagaan Madinah yang merupakan perlembagaan pertama di dunia. Piagam ini tidak mendiskriminasi mana-mana kelompok rakyatnya yang berbilang bangsa dan agama. Malah ia menekankan tanggungjawab semua untuk merealisasikan semangat kesamarataan, keadilan, tolong-menolong, saling memberi nasihat dan saling memperbaiki antara satu sama lain dalam menjalani kehidupan bersama sesama ahlinya (Ali Jumu'ah, 2012).

OBJEKTIF DOKUMEN

Dokumen ini disediakan sebagai panduan kepada masyarakat, pembuat dasar dan pelaksana untuk:



**1. Memahami asas pengukuhan
Keluarga Malaysia sebagai keluarga besar yang sejahtera.**



**2. Memperkukuh kesejahteraan Keluarga Malaysia dengan nilai-nilai murni
yang bersepadu, terangkum dan sejagat dengan mengiktiraf
kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.**



BAB 2

KELUARGA MALAYSIA

Penguatan Keluarga Malaysia dapat direalisasikan dengan menerima persamaan dan perbezaan berdasarkan nilai-nilai dan ciri-ciri Keluarga Malaysia berlandaskan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Rukun Negara.





VISI

Memulihkan negara dan mencapai status Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi.



MATLAMAT

Keluarga Malaysia sebagai aspirasi jangka masa panjang yang kalis cabaran masa hadapan dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi berlandaskan Keberhasilan Kebahagiaan.



HALA TUJU STRATEGIK

Rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa akan berganding bahu untuk memulihkan negara daripada kesan negatif akibat COVID-19.



BIDANG TUMPUAN UTAMA

- Memulih semula dan merapat jurang ekonomi.
- Menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia di bawah naungan Keluarga Malaysia.
- Mengeneppikan perbezaan politik untuk mencapai kestabilan.



ASAS PEMBENTUKAN KELUARGA MALAYSIA

- Perlembagaan Persekutuan
- Rukun Negara



NILAI DAN CIRI KELUARGA MALAYSIA

- Keterangkuman (*inclusivity*)
- Kebersamaan (*common ground*)
- Kesyukuran (*contentment*)

PENINGKATAN NILAI-NILAI (NILAI 20)

Keterangkuman:

- a. Inklusif
- b. Integriti

- i. Menyemai budaya integriti dalam keluarga.
- ii. Menjadikan budaya amanah sebagai budaya keluarga.
- iii. Menjadikan prinsip keadilan sebagai teras pengukuhan keluarga.
- iv. Menjadikan amalan bermusyawarah sebagai amalan keluarga.
- v. Menerapkan budaya ilmu dalam masyarakat dan keluarga.
- vi. Menyuburkan budaya komunikasi berhemah dalam kalangan keluarga dan masyarakat.
- vii. Membina akhlak mulia seluruh anggota keluarga.

Kebersamaan:

- a. Bersatu-padu
- b. Prihatin
- c. Transformasi politik

- i. Kebertanggungjawaban terhadap keluarga.
- ii. Membudayakan amalan ihsan dalam memupuk semangat kebersamaan keluarga.
- iii. Memastikan suasana harmoni dapat dikecapi keluarga.
- iv. Menyemai budaya khidmat dalam keluarga bagi membantu ahli yang memerlukan bantuan.
- v. Menjaga kehormatan dan maruah keluarga.
- vi. Menyemaikan semangat prihatin untuk membantu ahli keluarga.
- vii. Menerapkan budaya kesabaran dalam mengekalkan keharmonian keluarga.
- viii. Menyemai semangat keamanan dan kesejahteraan dalam diri ahli keluarga.

Kesyukuran:

- a. Keharmonian
- b. Kecintaan

- i. Beriman
- ii. Membudayakan amalan sihat fizikal dan mental.
- iii. Mengekalkan tradisi dan adat kekeluargaan.
- iv. Kasih sayang
- v. Hormat dan taat





BAB 3

KELUARGA

MALAYSIA

KELUARGA SEJAHTERA

Semangat Keluarga Malaysia terbina atas jaminan kesejahteraan yang berterusan agar setiap individu dapat menikmati kehidupan yang aman dan harmoni.



Negaraku

Tanah tumpahnya darahku

Rakyat hidup bersatu dan maju

Rahmat bahagia Tuhan kurniakan

Raja kita selamat bertakhta

Gagasan Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia merujuk kepada semua warganegara tanpa mengira agama, bangsa dan kaum yang saling melengkapi, umpama anggota tubuh yang saling memerlukan. Walaupun Keluarga Malaysia tidak berasaskan kepada pertalian darah dan perkahwinan, namun, gagasan tersebut menghasratkan agar wujud dalam Keluarga Malaysia yang besar ini rasa saling mengharap dengan setiap ahli dalam keluarga besar itu bersedia untuk memenuhi harapan ahli-ahli yang memerlukan demi kesejahteraan bersama.

KONSEP SEJAHTERA

Sejahtera dari sudut istilah bermaksud sifat atau keadaan aman dan makmur, senang dan tenteram serta terpelihara daripada bencana (kesusahan, gangguan dan lain-lain). Sejahtera juga merujuk kepada kegiatan menyejahterakan, menjadikan sejahtera, mengamankan, dan menyelamatkan (Dewan Bahasa & Pustaka 2017). Apa yang dimaksudkan sebagai 'kesejahteraan' atau 'kebahagiaan' bergantung kepada pandangan semesta, pandangan hidup, atau pandangan alam sesebuah ketamadunan. Ini kerana terdapat peristilahan dasar dalam setiap ketamadunan yang mencerminkan Pandangan Semesta atau Pandangan Alam sesebuah ketamadunan, termasuklah 'kesejahteraan' (Al-Attas, 2001).

Faham 'sejahtera' adalah antara faham dan gagasan pokok peradaban-peradaban agung dalam sejarah dunia seperti yang terakam dalam karya-karya agung para bijaksana dari peradaban tersebut. Aristotle sebagai contoh membincangkan aspek *eudaimonia* (kegembiraan) yang

memperincikan aspek kesejahteraan dan keadaan jiwa yang sihat (Kraut, 2015). Ulama tersohor di Asia Tenggara iaitu Abdul Samad al-Falimbani juga mengaitkan aspek kesejahteraan dengan pembangunan insan (Shohana Hussin, 2010).

Konsep sejahtera sebagai seerti dengan bahagia telah diperincikan dengan lebih mendalam oleh ahli sarjana dan didefinisikan sebagai keadaan yang menyeluruh dan bersepadu merangkumi kejayaan, kegembiraan, keamanan dan keseimbangan di dunia dan akhirat, yang bersifat rohani dan jasmani, baik dalam diri insan perseorangan mahupun dalam lingkungan masyarakat dan persekitarannya (Al-Attas, 1993; Kamal, 2020). Ternyata bahawa faham sejahtera sepanjang sejarah insan, khususnya dalam peradaban Islam dan Asia, berakarkan hakikat rohani atau dalaman diri insan yang kemudiannya memberi kesan kepada akal fikiran dan kehidupan yang seimbang.

Dari segi pelaksanaan, pengukuran tahap kesejahteraan sering dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi dan sosial,

serta penghapusan kemiskinan dan kesenjangan ekonomi, sepertimana yang dilaporkan dalam edisi pertama *Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013*. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia memaparkan tahap kesejahteraan yang diukur berdasarkan dua sub-komposit, iaitu ekonomi dan sosial. Ini juga ditunjukkan dalam pembentangan belanjawan negara yang menekankan aspek kesejahteraan rakyat dalam konteks pembangunan dan pengukuhan sosio-ekonomi.

Walau bagaimanapun, kesejahteraan tidak akan berhasil jika aspek spiritual tidak diberi perhatian (Chapra, 2008). Kesejahteraan sebenar perlu bermula daripada pembangunan modal insan. Individu yang sejahtera dari aspek akhlak dan kerohanian akan menyumbang ke arah pembentukan keluarga, masyarakat dan negara yang sejahtera.

Keluarga sejahtera menurut Wahbah al-Zuhaili ialah keluarga yang sentiasa beriltizam dengan undang-undang yang disyariatkan oleh Allah serta berpegang teguh dengan akhlak dan adab Islam. Ahli keluarga tersebut akan berusaha untuk hidup dalam masyarakat dengan baik demi mencapai



kebaikan di dunia dan akhirat. Konsep sejahtera ini diterapkan dalam semangat Keluarga Malaysia untuk memastikan seluruh rakyat dapat hidup dengan aman dan harmoni.

ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA KELUARGA SEJAHTERA

Keluarga merujuk kepada satu struktur khas yang ahlinya memiliki pertalian antara satu sama lain akibat hubungan darah, dan/atau perkahwinan dan pertalian ini menimbulkan rasa saling mengharap antara satu sama lain yang ditetapkan oleh agama, diteguhkan oleh undang-undang dan difahami oleh setiap individu (Abd Al-Ati, 1977).



Semangat yang sama wujud dalam maksud 'usrah' iaitu perkataan arab yang membawa maksud bahawa ahli keluarganya bersama-sama menjalani satu proses pembentukan yang dibina atas semangat ukhuwwah. Dalam perkataan 'usrah' ini terkandung tiga prinsip yang perlu ada dalam sebuah keluarga iaitu *ta'aruf* (saling mengenali), *tafahum* (saling memahami) dan *takaful* (saling membantu).

Keluarga Malaysia mengangkat tinggi nilai perpaduan. Dalam konteks ini, gagasan tersebut mengambil kira konsep *fiqh al-ta'ayush*, iaitu fiqh hidup bersama, yang merupakan disiplin ilmu dalam membincangkan panduan interaksi antara warganegara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya, penganut agama dan ideologi untuk hidup bersama atas asas saling menghormati dan tolong-menolong bagi memakmurkan negara Malaysia dan menjamin kesejahteraan berteraskan panduan agama.

Maka, Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera merujuk kepada masyarakat majmuk yang bersatu, berteraskan pemeliharaan keharmonian dan penguatan interaksi melalui pemerkasaan tadbir urus untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

ELEMEN SEJAHTERA

Sejahtera adalah suatu konsep yang berpusatkan manusia yang menjadi penghubung antara sifat dalaman diri (*microcosm*) dengan dunia luar (*macrocosm*) (Dzulkifli, et al. 2018). Sejahtera merangkumi lima elemen yang berikut:



Kepercayaan:

Kesejahteraan wujud apabila aspek spiritual disemai dengan keyakinan kepada Tuhan kerana keyakinan ini akan membebaskan seseorang insan daripada rasa takut dan bimbang, serta menolak sebarang bentuk perhambaan dan pengabdian kepada selain Allah SWT.



Kegembiraan:

Setiap perkara baik yang dilaksanakan melalui tanggungjawab terhadap diri atau kepada orang lain dan juga persekitaran boleh mewujudkan rasa bahagia, senang dan gembira. Kegembiraan juga dapat digambarkan melalui natijah kebaikan di dunia yang akan dapat dirasai di akhirat.



Kejayaan:

Kesejahteraan dapat membentuk insan yang berjaya dalam kehidupannya di dunia dan juga di akhirat. Kejayaan bukan sahaja diukur melalui pencapaian ekonomi, perkembangan intelektual dan status sosial, tetapi turut mengambil kira pembangunan modal insan dan akhlak yang utuh.



Keamanan:

Ketenangan jiwa dan hati membuahkan rasa tenteram yang berpanjangan dalam membentuk pemikiran yang rasional dan kesihatan tubuh yang baik serta mewujudkan rasa selamat yang menenangkan.



Keseimbangan:

Imbangan yang baik antara keperluan material dan bukan material, keutamaan akhlak dan kepentingan diri, keadilan sosial dan ekonomi serta keseimbangan ekologi semuanya membawa kepada kesejahteraan kehidupan.

PENERAPAN KESEJAHTERAAN

Elemen kesejahteraan dapat dicapai dengan memberi penekanan kepada tiga dimensi berikut:

- ROHANI:** Merujuk kepada pembangunan spiritual, akhlak dan emosi seseorang insan.
- JASMANI:** Merujuk kepada pembangunan intelektual, kesihatan diri dan mental serta keselamatan nyawa.
- PERSEKITARAN:** Merujuk kepada hubungan insan dengan keadaan sekeliling termasuklah hubungan sosial dan budaya, pembangunan ekonomi dan alam sekitar.



Dalam konteks pentadbiran, penerapan elemen kesejahteraan dilaksanakan melalui tiga peringkat utama seperti berikut:

- a. **TADBIR URUS DIRI:** Penerapan nilai kerohanian, akhlak dan emosi hendaklah dipupuk pada peringkat individu. Ini memerlukan pembangunan intelektual, kesihatan diri dan mental serta keselamatan nyawa.
- b. **TADBIR URUS KELUARGA DAN MASYARAKAT:** Penerapan kerohanian dan pengukuhan jasmani perlu dilaksanakan pada skala yang lebih besar, iaitu di peringkat keluarga dan masyarakat, di samping menerapkan nilai keharmonian, kasih sayang dan saling menghormati antara sesama keluarga yang membentuk masyarakat yang prihatin dan saling membantu.
- c. **TADBIR URUS ORGANISASI DAN NEGARA:** Dasar dan polisi perlu digerakkan pada peringkat organisasi dan kerajaan untuk memastikan kesejahteraan dalam hubungan sosial dan budaya, pembangunan ekonomi dan alam sekitar.



CABARAN UNTUK MENCAPAI KESEJAHTERAAN

Dasar Perpaduan Negara memperincikan 10 defisit sosial berkaitan dengan isu perpaduan. Defisit sosial merujuk kepada kekurangan dalam konteks sosial yang memerlukan penyatupaduan berterusan untuk meningkatkan tahap kesepaduan. Salah satu daripadanya adalah aspek agama.

“Perbezaan pegangan agama ternyata disalah faham sebagai sempadan yang menghalang perpaduan dalam masyarakat kerana dilihat dalam konteks yang kurang tepat. Kurangnya sensitiviti serta kefahaman berkenaan dengan agama yang berbeza memberikan kesan kepada hubungan dan interaksi dalam masyarakat.” (Kementerian Perpaduan Negara, 2021)

Perbezaan agama tidak sewajarnya dilihat sebagai jurang antara kaum. Usaha berterusan perlu dilaksanakan untuk memupuk persefahaman dalam kalangan keluarga Malaysia yang berbilang bangsa dan agama. Malah agama Islam itu sendiri merupakan wadah untuk menyatupadukan rakyat merentas pelbagai pegangan agama, bangsa dan budaya.

Maka, menjadi suatu kewajipan untuk kita memahami *fiqh ta’amu* (fiqh berinteraksi) dan *fiqh al-ta’ayush* (fiqh hidup bersama). Konsep fiqh hidup bersama bukan bermaksud mengkompromi kedudukan Islam sebagai agama yang benar tetapi merujuk kepada penegasan yang ditetapkan oleh Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang Yahudi dan Kristian yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya. Perselisihan itu pula semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisab-Nya.” (Surah Ali ‘Imran: 19)

Lima elemen kesejahteraan boleh terjejas dengan wujudnya cabaran-cabaran dalaman diri dan juga luaran. Kewujudan cabaran sedemikian berakar daripada **kecelaruan ilmu**, terutamanya dalam arus kemodenan dan dunia tanpa sempadan. Cabaran kecelaruan ilmu menurut sejumlah sarjana silam dan semasa ialah suatu cabaran halus yang menjadi akar kepada pelbagai cabaran nyata. Kecelaruan ilmu dalam kalangan golongan dewasa menyebabkan penyimpangan serta ketegangan dalam kehidupan masyarakat, kerosakan alam sekitar, kezaliman atau kehilangan keseimbangan dalam pelbagai sudut, serta kesengsaraan pada peringkat peribadi. Banyak faktor yang menyumbang kepada kecelaruan ilmu, antaranya: (i) apabila amanah ilmu tidak dipulangkan kepada ahlinya pada pelbagai peringkat, (ii) apabila para ilmuwan tidak dimanfaatkan sewajarnya, (iii) apabila ilmu-ilmu yang bermanfaat tidak dituntut pada peringkat yang sewajarnya untuk memandu kehidupan di dunia, dan (iv) apabila makna ilmu itu sendiri telah disempitkan kepada fakta atau maklumat semata-mata. Sekiranya cabaran kecelaruan ilmu ini tidak diberi perhatian sewajarnya, cabaran-cabaran nyata yang lain akan terus menjadi lebih parah dan lebih sukar untuk diselesaikan. Akhirnya kesejahteraan individu dan rakyat Malaysia amnya akan terjejas.



Kecelaruhan ilmu ini turut memberi kesan terhadap penghayatan dan amalan sehingga menggugat elemen-elemen kesejahteraan tersebut. Cabaran-cabaran tersebut dapat disimpulkan secara umumnya seperti berikut:

**Elemen
Kesejahteraan**



Cabaran

a. Konflik Pegangan Agama

Dalam sesebuah agama, terdapat sudut pandang yang berbeza sepertimana dalam kalangan masyarakat Islam sendiri terdapat pelbagai tahap faham agama dan kepelbagaian sudut pandang mazhab. Malah, terdapat sebahagian kelompok yang mempunyai kecenderungan melampau terhadap pegangan mereka dan memberikan tafsiran sempit dan keras terhadap sumber agama. Ketaksuban terhadap kelompok masing-masing menyebabkan konflik antara pelbagai kelompok. Kepelbagaian faham ini merupakan satu cabaran besar untuk mewujudkan perpaduan dan kesatuan serta untuk mencapai kesejahteraan rakyat di negara ini.

b. Aliran Pemikiran

Cabaran yang besar untuk mencapai kesejahteraan dalam kelompok masyarakat majmuk ialah cabaran aliran pemikiran yang memberikan kesan negatif terhadap pengukuhan spiritual dalam diri setiap ahli Keluarga Malaysia. Pengaruh sekularisasi, iaitu arus pemikiran dan pendekatan yang secara langsung atau tidak langsung mengasingkan atau membataskan kedudukan dan peranan agama, telah meresap dalam pemikiran sebahagian kelompok masyarakat.

Begitu juga dengan aliran pemikiran ekstremis yang taksub dengan sesuatu pandangan tanpa mengambil jalan yang seimbang. Fahaman ini telah memberi kesan terhadap amalan dan gaya hidup masyarakat, sekaligus membantutkan usaha untuk mencapai kesejahteraan hakiki yang merangkumi pembangunan spiritual, mental dan fizikal.

c. Penolakan Agama

Ateisme menjadi pegangan segolongan manusia sejak sekian lama. Pegangan ini merujuk kepada penafian terhadap tuhan atau dewa, perkara-perkara ghaib, kebangkitan dan risalah. Kepercayaan ini boleh menggugat keharmonian kerana ia boleh mencetuskan kegelisahan awam apabila terdapat gesaan supaya tindakan tidak diambil terhadap mereka atas dasar pegangan menolak agama setelah melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan norma dan budaya masyarakat setempat.

**Elemen
Kesejahteraan**



Cabaran

d. Tekanan Mental

Masalah tekanan mental amat memberikan impak negatif kepada diri seseorang, keluarga dan organisasi. Masalah ini menjejaskan kesejahteraan paling asas dalam diri individu yang mengalaminya. Tahap kesihatan mental rakyat Malaysia perlu diberi perhatian penting kerana ia akan menjejaskan pembangunan modal insan dan menjejaskan hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan jika tidak dibendung.

e. Kerapuhan Institusi Kekeluargaan

Institusi keluarga adalah unit sosial terkecil dalam masyarakat yang perlu diperkasakan dan dipelihara daripada sebarang perkara yang boleh meruntuhkannya. Namun begitu, fahaman yang memisahkan aspek spiritual dengan hak kebebasan diri seperti liberalisme dan feminisme adalah antara perkara yang boleh menjejaskan institusi kekeluargaan. Maka sahsiah setiap ahli keluarga perlu dibangunkan secara holistik dari aspek spiritual, fizikal dan intelektual berasaskan panduan Maqasid Syariah. Ini kerana keharmonian dan kegembiraan dalam sesebuah keluarga menjadi pemangkin kepada keutuhan masyarakat dan negara.

**Elemen
Kesejahteraan**



Cabaran

f. Perpecahan antara Kaum

Setiap individu berhak merasa selamat dan aman daripada sebarang ancaman dalaman dan luaran. Ancaman-ancaman ini boleh mengundang perpecahan dalam masyarakat jika aspek ini tidak ditangani dengan baik. Secara keseluruhannya, kerajaan bertanggungjawab menjamin keselamatan rakyat dan keamanan negara. Impak sistem pendidikan vernakular perlu diteliti agar ia tidak menjadi pemangkin ketidakserasian antara pelbagai budaya dan bangsa. Ini penting untuk membangunkan generasi yang mempunyai jati diri yang kukuh dalam membangunkan negara ini pada masa akan datang.

g. Politik Perkauman

Perpecahan antara kaum boleh berlaku jika politik perkauman diamalkan dalam sesebuah negara. Politik sebegini mengekang persefahaman dan boleh menjadi penghalang kepada usaha kerajaan untuk meningkatkan perpaduan dalam masyarakat. Apa yang lebih membimbangkan, ia boleh menggugat keselamatan dan keamanan negara.

**Elemen
Kesejahteraan**



Cabaran

h. Keruntuhan Moral

Keruntuhan moral dan akhlak menatijahkan ketidakseimbangan dalam keputusan dan tindakan yang dilaksanakan. Jika individu mempunyai kemahiran dan ilmu yang tinggi tetapi gagal diseimbangkan dengan akhlak dan nilai-nilai murni, negara akan berdepan dengan pembangunan material yang pesat tetapi menghadapi kemelut etika yang berpanjangan dalam usaha membangunkan negara dari sudut politik, ekonomi dan sosial.

i. Jurang Sosioekonomi

Seringkali kesejahteraan diukur melalui kejayaan pembangunan ekonomi yang mampan. Namun, jurang ekonomi akan menyebabkan wujudnya perbezaan yang ketara antara pelbagai kelompok dalam masyarakat. Ketidakseimbangan seumpama ini merupakan suatu cabaran yang besar bagi sesebuah negara untuk mencapai persefahaman dan seterusnya memupuk perpaduan antara kaum.

j. Kemusnahan Alam

Ketidakseimbangan antara spiritual dan pembangunan fizikal boleh menggugat kelestarian alam. Kerakusan untuk memenuhi kepentingan diri boleh mengundang pencemaran alam, kepupusan flora dan fauna, kerosakan alam sekitar dan gangguan ekologi. Justeru, pemeliharaan keseimbangan amat penting kerana ia merupakan asas kesejahteraan melalui pengukuhan spiritual dan akhlak yang memerlukan penambahbaikan secara berterusan.

**Elemen
Kesejahteraan**



Cabaran

k. Budaya Pesimistik


Sikap mudah berputus asa, kecewa dan mudah hilang kepercayaan menyukarkan pembangunan diri dan kehidupan. Sikap ini jika gagal dibendung dan diatasi dengan baik akan menghalang seseorang itu untuk mencipta kejayaan dalam hidupnya dan hanya akan merugikan diri sendiri. Sikap ini mengundang pelbagai masalah lain dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni dan membina sebuah negara yang berdaya saing.

l. Ingkar Ilmu

Sifat dan kelakuan ingkar ilmu akan merosakkan kefahaman mengenai agama, akhlak tinggi serta pembangunan insan. Sifat ini telah wujud dalam sejarah manusia sejak sekian lama, dan apabila gagal ditangani, ingkar ilmu merebak ke seluruh dunia dalam versi masakini yang dikenali sebagai relativisme dan pasca kebenaran (post-truth). Krisis terbesar ilmu pengetahuan pada zaman ini bukan pada kekurangan peluang pendidikan atau institusi, sebaliknya disebabkan sifat, sikap dan kelakuan ingkar ilmu. Keingkaran ini menyebabkan pencarian, pengajaran dan penyebaran serta pelaksanaan ilmu dilakukan demi kepentingan peribadi serta ekonomi dan kekuasaan yang sempit. Sedangkan sepatutnya ilmu itu dicari demi kebaikan rohani, akhlak dan jasad manusia serta kesejahteraan alam sekitar.

m. Kepincangan Tadbir Urus

Kejayaan juga terbit apabila sesebuah organisasi atau negara ditadbir urus dengan penuh amanah dan bertanggungjawab. Ketirisan dalam tadbir urus menyebabkan timbulnya isu rasuah, monopoli perniagaan dan pengagihan kekayaan yang tidak adil. Yang demikian itu merupakan kesan pengabaian aspek spiritual, etika dan nilai murni serta menekankan kepada habuan material semata-mata sehingga merencatkan pembangunan insan. Amalan tidak sihat ini sekiranya tidak dibendung akan menjejaskan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia.



Keseluruhan cabaran ini secara umumnya berpuncakan ketidakseimbangan antara pembangunan spiritual, mental dan fizikal sekali gus menyukarkan usaha untuk mencapai kesejahteraan dalam konteks Keluarga Malaysia. Keadaan ini diburukkan lagi dengan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia sehingga bukan sahaja menjejaskan tahap kesihatan masyarakat tetapi juga memberi kesan domino terhadap kestabilan ekonomi dan hubungan sosial. Ini terpapar pada Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia yang menyusut 2.1 peratus kepada 118.3 mata pada tahun 2020, berbanding 120.8 mata pada tahun 2019.

Oleh itu, tadbir urus yang holistik, ampuh dan mampan perlu digerakkan untuk meningkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia dengan mengambil kira kemajmukan masyarakatnya.






BAB 4

TERAS KELUARGA MALAYSIA KELUARGA SEJAHTERA

Pengukuhan Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera didokong oleh tiga teras utama, iaitu 'Pemeliharaan Keharmonian antara Kaum dan Penganut Agama', 'Pengukuhan Interaksi dan Hubungan antara Kaum' dan 'Pemeriksaan Tadbir Urus'.



*"Bani Adam, satu sama lainnya anggota
Dari satu hakikat, ia dicipta.
Tatkala satu musibah menimpa salah satunya
Anggota yang lain tiada menentu jadinya.
Jika kau tiada bersimpati dengan penderitaan orang lain,
Kau tidak layak disebut Bani Adam."*

Gulistān (Taman Mawar) oleh Sa'di Shirazi (Penyair Parsi, Abad ke-13)

TERAS PERTAMA: PEMELIHARAAN KEHARMONIAN ANTARA KAUM DAN PENGANUT AGAMA

Sistem kepercayaan merujuk kepada pengukuhan akidah dan pegangan yang sah bagi setiap individu di samping menghormati kepercayaan agama lain. Kesatuan dalam pegangan akidah merupakan asas paling utama dalam memupuk perpaduan sesama umat Islam. Manakala perbezaan pegangan dalam kelompok besar Keluarga Malaysia perlu dilihat sebagai asas keharmonian dalam kepelbagaian yang perlu dizahirkan melalui prinsip-prinsip berikut:

Prinsip 1: Berpegang dengan ajaran agama

- a. Pegangan kepada ajaran agama dapat meningkatkan kesatuan dalam kelompok tertentu.
- b. Bagi umat Islam, keimanan kepada Allah yang Maha Esa merupakan titik kesatuan paling tinggi dan mutlak.
- c. Pegangan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah tidak boleh dikompromi atas alasan 'tolak ansur' antara pelbagai agama dan pegangan kerana tolak-ansur demikian akan menjejaskan akidah dan menyebabkan perpecahan dalam kalangan umat Islam.

Prinsip 2: Mengiktiraf hak kebebasan beragama

- a. Mengiktiraf Islam sebagai agama tertinggi sesuai dengan semangat Perlembagaan Persekutuan.
- b. Mengiktiraf hak setiap individu untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap agama masing-masing. Ini termasuklah hak orang bukan beragama Islam untuk memilih agama yang diyakini dan tidak boleh dipaksa menganut agama Islam.



Prinsip 3: Menghormati hak dan keberadaan pelbagai kaum dan agama

- a. Saling mengenali, memahami dan menyantuni kepelbagaian.
- b. Berusaha mencari titik persamaan di sebalik kepelbagaian sistem kepercayaan, budaya, ideologi, dan pendapat melalui manhaj berfikir yang benar lagi seimbang.
- c. Menghormati identiti agama dan budaya yang berbagai supaya dapat menjaga keharmonian semua agama.
- d. Mengelakkan perbalahan, cemuhan dan penghinaan antara agama sepertimana yang dilarang dalam Islam.
- e. Berusaha mengawal emosi sekiranya berlaku perselisihan dan berusaha menyelesaikannya.

Prinsip 4: Memperbanyak interaksi dan dialog dengan semangat muhibbah

- a. Mengamalkan muhibbah sebagai satu pendekatan penting dalam konteks interaksi dalam masyarakat majmuk dengan menghormati kepelbagaian pandangan, berpandukan maklumat yang benar serta menjauhi sifat fanatik dan buruk sangka.
- b. Bertolak ansur, saling menghormati dan bersikap adil-seimbang (*wasatiyyah*) berasaskan adab perbezaan pandangan dalam perbincangan dan pertukaran pendapat.
- c. Memastikan interaksi dan dialog dilakukan dalam keadaan yang tertib dan tidak mendatangkan kerosakan atau kemudaratan kepada diri dan masyarakat.

Refleksi Perlembagaan Persekutuan:

- Perkara 3(1) : Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.
- Perkara 11(1) : Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.

Refleksi Rukun Negara:

Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Kesopanan dan Kesusilaan

TERAS KEDUA: PENGUKUHAN INTERAKSI DAN HUBUNGAN ANTARA KAUM

Kesatuan masyarakat majmuk banyak bergantung kepada cara interaksi dan hubungan sesama individu. Sifat bersedia untuk mengenali dan memahami kepelbagaian latar belakang agama dan budaya mampu mengukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat. Perkara ini boleh dicapai melalui prinsip-prinsip berikut:

Prinsip 1: Mengakui bahawa manusia bermula daripada satu keluarga

- a. Menyedari dan menginsafi bahawa manusia ini berasal daripada keturunan yang sama.
- b. Mengurus sebarang perbezaan dengan semangat satu keluarga.

Prinsip 2: Mengangkat martabat kemuliaan insan

- a. Memartabatkan insan sesuai dengan kemuliaan fitrah dan kejadiannya.
- b. Memelihara maruah dan kedudukan manusia selari dengan peranan mereka sebagai khalifah.
- c. Mengelakkan penyebaran keburukan atau kelemahan seseorang sesuai dengan hakikat kemuliaan insan.



Prinsip 3: Mengukuhkan persaudaraan

- a. Mengukuhkan hubungan sosial dalam kalangan Keluarga Malaysia yang berbilang bangsa dan agama dan berusaha untuk mendamaikan setiap perbezaan pandangan.
- b. Memupuk rasa kasih sayang dan hormat-menghormati antara manusia.
- c. Mengamalkan sikap keterbukaan dan menghormati perbezaan pandangan dan pendirian.

Prinsip 4: Membina ekosistem hidup yang bermuafakat untuk mengajak kepada kebaikan dan mencegah kejahatan

- a. Memelihara keseimbangan dalam kepelbagaian ekosistem alam.
- b. Memanfaatkan potensi yang ada pada setiap individu dalam usaha membina sebuah keluarga Malaysia yang harmoni secara kolektif.
- c. Saling membantu dalam melaksanakan perkara-perkara makruf dan mengelakkan perkara-perkara yang membawa permusuhan dan persengketaan.
- d. Bersatu-padu untuk membanteras perkara yang boleh memudaratkan pegangan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Refleksi Perlembagaan Persekutuan:

- Perkara 152 (1) : Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi, namun bahasa ibunda kaum lain boleh diajar dan digunakan.
- Perkara 153 : Kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak diiktiraf, namun kepentingan kaum lain juga dilindungi.
- Perkara 181 : Kedaulatan Raja-Raja Melayu dilindungi.
- Bahagian III : Hak kewarganegaraan diberikan kepada mereka yang mempunyai kelayakan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Refleksi Rukun Negara:

Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-undang
Kesopanan dan Kesusilaan

TERAS KETIGA: PEMERKASAAN TADBIR URUS

Sebarang konsep yang murni memerlukan proses pelaksanaan yang betul untuk menghasilkan natijah atau kesan yang dicita-citakan. Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera sebagai satu gagasan pasti memerlukan tadbir urus yang bersepadu, menyeluruh dan efektif berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut:

Prinsip 1: Meningkatkan keupayaan dan kemahiran

- a. Berusaha menguasai ilmu dan kemahiran yang bermanfaat daripada sumber yang berwibawa bagi meningkatkan potensi diri.
- b. Menggunakan ilmu dan kemahiran untuk memberi manfaat kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, organisasi dan negara.
- c. Berterusan untuk membangunkan diri, keluarga dan organisasi melalui penyelidikan dan inovasi.

Prinsip 2: Menggalas tanggungjawab dengan penuh amanah

- a. Menyedari bahawa insan diberi amanah sebagai khalifah di bumi ini, maka setiap individu hendaklah menunaikan tanggungjawab masing-masing dalam ruang lingkup kedudukannya sebagai ahli keluarga, pekerja, pemimpin dan sebagainya.
- b. Melaksanakan tanggungjawab masing-masing mengikut kapasiti diri dengan penuh amanah dan berintegriti.
- c. Bertanggungjawab terhadap semua keputusan atau tindakan yang telah dibuat.



Prinsip 3: Melaksanakan tanggungjawab secara adil, saksama dan ihsan

- a. Berlaku adil dalam pelaksanaan tanggungjawab dengan memenuhi hak diri sendiri dan hak orang lain secara saksama dan mengelakkan sebarang bentuk kezaliman dan diskriminasi.
- b. Menerapkan kesaksamaan dalam pelbagai aspek tanpa mengira agama dan bangsa serta menghormati pendirian setiap individu dalam menerima sistem kepercayaan yang diyakini benar olehnya untuk menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat.
- c. Bersifat ihsan dengan memudahkan urusan, tidak membebankan pihak lain dan melakukan lebih dari yang sepatutnya.

Prinsip 4: Memastikan kebersamaan dalam proses pembuatan keputusan

- a. Menerapkan nilai kebersamaan dalam proses pembuatan keputusan. Ini dirujuk sebagai prinsip syura dengan menjamin peluang dan ruang bagi semua pihak yang berkepentingan untuk memberi input dan pendapat demi memastikan keputusan yang saksama dan seimbang.
- b. Merujuk kepada orang-orang yang berkepakaran berhubung dengan perkara-perkara yang melibatkan bidang pengkhususan tertentu dalam membuat keputusan.
- c. Mengambil kira maklum balas, sumbang saran atau aduan pihak-pihak yang berkepentingan dalam melaksanakan tanggungjawab bagi mencapai tujuan yang ditetapkan.

Prinsip 5: Melindungi kebebasan asasi dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan

- a. Memelihara kebebasan asasi dalam kehidupan selagi mana kebebasan itu tidak bertentangan dengan kehendak syarak atau nilai-nilai murni agama lain.
- b. Mengelakkan sebarang konflik dengan tidak mencampuri urusan hal ehwal agama lain.

Refleksi Perlembagaan Persekutuan:

Perkara 3 (1): Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Refleksi Rukun Negara:

Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Kesopanan dan Kesusilaan

BAB 5

TADBIR URUS KELUARGA MALAYSIA KELUARGA SEJAHTERA

Tadbir urus Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera, melalui peranan yang dimainkan oleh individu, keluarga, masyarakat, organisasi dan Kerajaan serta pendekatan yang sistematik lagi berstrategi, adalah penting untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan memelihara keharmonian antara kaum.



PENDEKATAN KELUARGA MALAYSIA KELUARGA SEJAHTERA

Perpaduan menjadi agenda penting sepanjang zaman merentas batas masa dan geografi dalam sesebuah negara. Fitrah setiap manusia adalah untuk dapat hidup bersama secara harmoni dan menghindari permusuhan dan konflik.

Perutusan para Nabi dan Rasul adalah untuk mendidik manusia agar kembali kepada fitrah hidup aman dan harmoni di atas muka bumi dengan mematuhi perintah Allah SWT serta memberikan garis panduan bagi tindakan manusia demi mengelak daripada kerosakan dan kehancuran (Ibn Ashur, 1998; al-Fasi, 1993).

Justeru, Keluarga Malaysia diperkenalkan bagi mengukuhkan kekuatan rakyat Malaysia dalam mendepani pelbagai cabaran yang mendatang. Konsep Keluarga Malaysia bersifat inklusif merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum serta mengajak semua rakyat di negara ini bersama-sama sebagai sebuah keluarga yang utuh.

Bagi memastikan kelestarian perpaduan, Maqasid Syariah (Objektif Pensyariaan Islam) perlu diletakkan sebagai pendekatan dalam tadbir urus Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera. Maqasid Syariah merujuk kepada tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syarak bagi merealisasikan kemaslahatan manusia (Al-Raysuni 1999). Kepentingan meletakkannya sebagai matlamat akhir adalah kerana ia terbina atas asas yang kukuh (*thabit*) berlandaskan dasar tauhid yang satu. Apabila seluruh usaha digerakkan ke arah objektif yang satu, pembentukan kesatuan yang kukuh sambil mengetepikan perkara-perkara yang boleh memecah-belahkan perpaduan menjadi semakin mudah.

Objektif umum pensyariaan Islam adalah untuk memakmurkan muka bumi, memelihara kestabilan sistem hidup bersama (*ta'ayush*) serta memelihara kelestarian kemakmuran bagi memastikan seluruh penduduk bumi hidup dengan harmoni.

MANFAAT PENDEKATAN MAQASID SYARIAH

Pelaksanaan, penghayatan dan pengaplikasian ke arah pemeliharaan Maqasid Syariah dalam tadbir urus negara akan dapat memberi impak positif kepada rakyat dan negara dari aspek-aspek berikut:

- a. Jaminan keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran serta kesepaduan hidup masyarakat pelbagai agama, bangsa dan budaya di Malaysia.
- b. Penjagaan dan penghormatan sesama manusia sama ada Islam atau bukan Islam dalam mengamalkan agama masing-masing seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
- c. Pembukaan jalan kepada usaha-usaha pembaharuan, penambahbaikan, pengukuhan dan pembudayaan dalam tadbir urus negara.

PEMELIHARAAN MASLAHAH

Sejahtera, sepertimana yang didefinisikan, adalah penzahiran pemeliharaan *masalah*, iaitu kebaikan atau sesuatu yang berfaedah. Menurut Imam al-Ghazali, masalah ialah pemeliharaan lima tujuan syarak, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Justeru, setiap perkara yang mengandungi elemen pemeliharaan terhadap lima asas ini ialah *masalah* manakala setiap perkara yang meluputkan asas-asas ini adalah *mafsadah*. Penghapusan mafsadah itu sendiri merupakan satu *masalah* (Al-Ghazali, 2000).

Pada asasnya, pemeliharaan *masalah* merupakan tanggungjawab individu. Namun, kedinamikan prinsip ini telah mengubah peranan individu kepada peranan keluarga, masyarakat, organisasi dan kerajaan. Kelima-lima peringkat pelaksana bertanggungjawab untuk memelihara lima prinsip *masalah* dalam ruang lingkup tanggungjawab dan peranan masing-masing. Dengan mengambil kira kelima-lima aspek pemeliharaan *masalah*, maka dapat diimbangi keperluan pembangunan rohani, jasmani, mental dan fizikal pada lima aspek pemeliharaan *masalah* seperti berikut:





Pemeliharaan Agama

Pemeliharaan agama menuntut setiap umat Islam untuk berpegang dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan menzahirkan pegangan akidah tersebut melalui ibadah yang dilaksanakan demi mendapat kerediaan Allah SWT. Ibadah yang disyariatkan memberikan impak yang tinggi terhadap aspek etika dan akhlak kerana ibadah membentuk sifat taqwa dan meletakkan kebergantungan hanya kepada Allah SWT. Pelaksanaan syariat juga membawa kepada kesaksamaan tanggungjawab yang memberi kesan dalam memenuhi hak diri sendiri dan hak orang-orang yang berkaitan. Akidah Islam juga menuntut umat Islam supaya memelihara keharmonian kehidupan dalam kalangan masyarakat pelbagai agama.

Pada sisi yang lain, pemeliharaan agama turut menuntut pencegahan sebarang tindakan yang boleh menjejaskan pegangan akidah. Salah satu tindakan pencegahan ini ialah melalui penguatkuasaan undang-undang.

Aspek pemeliharaan agama perlu dilaksanakan oleh semua lapisan Keluarga Malaysia yang boleh digambarkan secara umumnya seperti yang berikut:

Peringkat Pelaksana

Contoh Pelaksanaan

Individu	▶▶▶ Mendalami ilmu agama dan memperbaiki kefahaman agama melalui program-program ilmu yang sah dan diiktiraf; melaksanakan dan mempertingkatkan mutu ibadah sebagai daya tahan terhadap pelbagai tarikan hawa nafsu.
Keluarga	▶▶▶ Memberi didikan agama yang sempurna dari sudut akidah, syariah dan akhlak.
Masyarakat	▶▶▶ Mengenal pasti ahli sarjana dan ulama yang membawa kepada peningkatan kefahaman agama serta keluhuran budi masyarakat; mengimarahkan masjid dengan program keagamaan menganjurkan program-program keagamaan dalam komuniti.
Organisasi	▶▶▶ Memastikan panduan agama dijadikan sandaran dalam keputusan, pendekatan dan dasar organisasi; menganjurkan program-program pengajian agama yang intensif dan interaktif untuk pelanggan dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.
Kerajaan	▶▶▶ Menerapkan unsur agama dalam pentadbiran kerajaan; meningkatkan taraf kemudahan melaksanakan ibadah; mengekang ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam; menguatkuasakan undang-undang terhadap perkara yang bertentangan dengan agama dan semangat yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Jadual 1: Contoh pelaksanaan pemeliharaan agama berdasarkan lima peringkat pelaksana

Pemeliharaan Nyawa

Dalam pemeliharaan nyawa, Islam meletakkan nilai yang tinggi ke atas nyawa setiap makhluk. Justeru, aspek kesihatan, keselamatan dan keamanan perlu dipelihara berdasarkan syariat Islam. Atas asas semangat keterangkuman Keluarga Malaysia, semua makhluk berhak untuk hidup dengan tenang tanpa gangguan. Pada peringkat Kerajaan, jaminan ini juga perlu diberikan kepada rakyat tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan budaya.

Menjadi tanggungjawab semua pihak untuk mengelakkan perkara-perkara yang boleh memudaratkan nyawa diri sendiri atau orang lain. Nyawa seseorang tidak boleh diambil atau ditamatkan sewenang-wenangnya tanpa hak. Selain itu, perkara-perkara yang boleh menggugat keselamatan dan keamanan awam hendaklah dielakkan melalui kecaknaan terhadap undang-undang dan penguatkuasaannya secara berkesan. Ini menunjukkan sifat kebersamaan Keluarga Malaysia dalam memastikan kualiti hidup yang tinggi bagi semua.

Aspek pemeliharaan nyawa perlu dilaksanakan oleh semua lapisan Keluarga Malaysia yang boleh digambarkan secara umumnya seperti berikut:

Peringkat Pelaksana

Contoh Pelaksanaan

Individu	Menjaga kesihatan diri dan pemakanan; mengelak daripada melakukan perkara yang boleh memudaratkan diri atau orang lain.
Keluarga	Menjaga kebersihan persekitaran dan pemakanan; memelihara keharmonian keluarga.
Masyarakat	Menjaga kebersihan persekitaran dan alam sekitar, memantau keselamatan kawasan perumahan; mengelakkan berlakunya perkara yang boleh menjejaskan keselamatan komuniti.
Organisasi	Mengadakan program kebersihan persekitaran organisasi, kesihatan warga organisasi dan masyarakat; memastikan keselamatan organisasi dan masyarakat.
Kerajaan	Memperkasakan perkhidmatan dan fasiliti kesihatan; menetapkan polisi keselamatan jalan raya, menjamin keselamatan makanan; memelihara keseimbangan ekologi; menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan.

Jadual 2: Contoh pelaksanaan pemeliharaan nyawa berdasarkan lima peringkat pelaksana



Pemeliharaan Akal

Akal mencirikan ketinggian kedudukan insan sehingga diberikan tanggungjawab sebagai khalifah untuk dipikul (taklif). Pemeliharaan akal bukan sekadar mengelakkan kemudaratan terhadap fungsinya tetapi juga merangkumi usaha pengembangan dan penguasaan ilmu dalam pelbagai cabang, pembudayaan pemikiran strategik, pengukuhan persefahaman antara pelbagai agama dan bangsa dan penyediaan peluang pendidikan yang saksama kepada masyarakat.

Sebarang perkara yang boleh menyekat fungsi akal atau merosakkan akal dilarang seperti pengambilan dadah, arak dan seumpamanya. Justeru, perkhidmatan kesihatan penting untuk memelihara bukan sahaja nyawa tetapi juga kesihatan mental dan psikologi rakyat secara amnya. Malah, penguatkuasaan undang-undang perlu untuk mengekang sebarang bentuk perkara yang menjejaskan fungsi akal secara langsung atau tidak langsung.

Aspek pemeliharaan akal perlu dilaksanakan oleh semua lapisan Keluarga Malaysia yang boleh digambarkan secara umumnya seperti yang berikut:

Peringkat Pelaksana

Contoh Pelaksanaan

Individu	Menuntut ilmu; menjaga kesihatan mental; mengoptimumkan penggunaan akal melalui pembacaan karya-karya yang berfaedah, kegiatan berfikir yang betul, dan perbincangan yang sihat; menjauhi perkara yang merosakkan akal.
Keluarga	Memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang sempurna dan menerapkan semangat untuk terus menuntut ilmu; meneroka ilmu baharu dan mengamalkannya; sentiasa memberi peringatan agar dapat mengelakkan perbuatan yang menjejaskan fungsi akal.
Masyarakat	Menggalakkan sebaran maklumat yang baik melalui media massa; sentiasa meningkatkan kesedaran terhadap penguasaan ilmu yang baik; mengelakkan perkara yang dilarang dalam agama dan nilai-nilai murni.
Organisasi	Mengadakan program diskusi; menyediakan pelbagai maklumat untuk menggalakkan warganya berfikir; menjalankan penyelidikan dan program berinovasi; mengelak daripada penggunaan akal bagi tujuan yang bertentangan dengan Islam.
Kerajaan	Memberi ruang dan penekanan sewajarnya untuk meningkatkan keserjanaan ilmu bermanfaat; mengukuhkan sistem pendidikan yang terbaik; menggalakkan program inovasi dan kreativiti; menggalakkan program pembangunan modal insan; mengenal pasti mekanisme kesihatan mental; menguatkuasakan undang-undang berkaitan alkohol, dadah, pornografi dan perkara-perkara yang merosakkan akal yang memberi kesan buruk terhadap sahsiah dan diri.

Jadual 3: Contoh pelaksanaan pemeliharaan akal berdasarkan lima peringkat pelaksana



Pemeliharaan Keturunan

Pemeliharaan keturunan amat berkait rapat secara etika dan akhlagnya dengan penjagaan kehormatan dan kemuliaan insan. Seluruh Keluarga Malaysia berhak mendapat jaminan agar kedudukannya sebagai insan dihormati selagimana bertepatan dengan fitrah kemanusiaan dan nilai agama. Pada asasnya, pemeliharaan keturunan adalah melalui perkahwinan dan pengukuhan institusi keluarga. Apabila institusi keluarga dapat diperkukuhkan, maka akan terbentuk sifat kecaknaan terhadap masyarakat yang sekali gus mengukuhkan sistem sosial.

Pemeliharaan keturunan juga menuntut usaha-usaha yang mengekang daripada berlakunya kebejatan akhlak seperti pelakuan zina, sumbang mahram, LGBT dan sebagainya. Oleh yang demikian, usaha-usaha secara bersepadu perlu digerakkan oleh pihak Kerajaan untuk membendung keruntuhan akhlak dalam kalangan Keluarga Malaysia.

Aspek pemeliharaan keturunan perlu dilaksanakan oleh semua lapisan Keluarga Malaysia yang dapat digambarkan secara umumnya seperti yang berikut:

Peringkat Pelaksana

Contoh Pelaksanaan

Individu	Menjaga akhlak dan adab dalam pergaulan.
Keluarga	Memelihara hubungan kekeluargaan dan hubungan nasab; mendidik ke arah mengelakkan hubungan yang ditegah syarak.
Masyarakat	Mengambil berat kebajikan dan keselamatan kejiranan; meningkatkan kesedaran terhadap sahsiah remaja dan masyarakat.
Organisasi	Meningkatkan kesedaran perihal kesan penggunaan media sosial terhadap hubungan kekeluargaan; meningkatkan kesedaran terhadap pembangunan jati diri dan sahsiah.
Kerajaan	Memperkasakan sistem kekeluargaan, memperkasakan dasar perumahan yang baik; meningkatkan fasiliti reproduktif yang baik; menetapkan polisi nikah, cerai dan rujuk yang berkesan; mewujudkan dasar keluarga dan perumahan negara; menyediakan bantuan sokongan kepada ibu tunggal, warga emas dan anak yatim; memperkemaskan sistem perundangan berkaitan keluarga dan hubungan sosial.

Jadual 4: Contoh pelaksanaan pemeliharaan keturunan berdasarkan lima peringkat pelaksana



Pemeliharaan Harta

Pada asasnya Islam menganjurkan amalan berzakat, bersedekah, berwakaf dan menderma. Semua ini merupakan jaminan kewangan yang ampuh bagi sistem sosial demi kesejahteraan rakyat. Pemeliharaan harta juga meliputi harta alih dan harta tak alih. Pengurusan kewangan mempunyai skop yang sangat besar, merangkumi kewangan keluarga, perniagaan, peningkatan ekonomi, perdagangan, dan pengurusan sumber alam secara sistematik, berintegriti serta lestari.

Pengurusan yang berteraskan syariat Islam secara besungguh-sungguh akan dapat mengelakkan berlakunya pembaziran, penindasan, kezaliman, monopoli dan rasuah yang menghakis kesejahteraan individu, masyarakat dan negara. Kerosakan sedemikian dapat ditangani melalui pemerkasaan dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan.

Aspek pemeliharaan harta perlu dilaksanakan oleh semua lapisan Keluarga Malaysia yang boleh digambarkan secara umumnya seperti yang berikut:

Peringkat Pelaksana

Contoh Pelaksanaan

Individu	Mengurus kewangan peribadi, belanja secara berhemah; mencari pekerjaan, tidak mengambil hak orang lain; mengeluarkan zakat; memperbanyak sedekah dan wakaf.
Keluarga	Mengurus kewangan keluarga; mengeluarkan zakat; menjana pendapatan keluarga; mengurus penggunaan air dan elektrik.
Masyarakat	Memelihara dan membangunkan sumber dan khazanah alam secara berhemah untuk manfaat masyarakat; menghidupkan ekonomi demi kepentingan bersama.
Organisasi	Menyumbang dan melaburkan lebih keuntungan untuk penyebaran dan pengukuhan ilmu yang bermanfaat; mengadakan program keusahawanan; meningkatkan kesedaran perniagaan, pelaburan, perbankan Islam dan takaful; menyediakan bantuan modal perniagaan dan pendanaan.
Kerajaan	Menjana pendapatan negara; mengurus ekonomi negara; memperkasakan sistem percukaian; mengurus harta wakaf dan zakat; mengurus hubungan perdagangan antarabangsa; memperkasakan peruntukan undang-undang dalam aspek yang berkaitan.

Jadual 5: Contoh pelaksanaan pemeliharaan harta berdasarkan lima peringkat pelaksana

GARIS PANDUAN PEMELIHARAAN MASLAHAH

Bagi mencapai kesejahteraan berteraskan panduan syarak, aspek *masalah* perlu dikenal pasti dalam menguruskan pelbagai isu semasa yang timbul dalam proses pembuatan keputusan. Penentuan *masalah* tertakluk kepada empat prinsip yang berikut (Al-Buti, 1973):

- a. *Maslahah* dikenal pasti dalam lingkungan maksud syarak.
- b. *Maslahah* tidak bertentangan dengan nas al-Quran dan hadith.
- c. *Maslahah* tidak bertentangan dengan *qiyas*.
- d. *Maslahah* yang lebih penting diutamakan berdasarkan kepada tahap berikut:
 - i. Tahap kekuatan mengikut susunan keutamaan, iaitu pada peringkat *daruriyyat* (keperluan), *hajiyyat* (kehendak) atau *tahsiniyyat* (pelengkap).
 - ii. Tahap kesannya kepada jumlah golongan sasaran mengikut susunan keutamaan, iaitu untuk kepentingan negara, sesuatu kelompok masyarakat, dan akhir sekali individu.
 - iii. Tahap implikasi berdasarkan analisis risiko yang jelas dan keyakinan bahawa manfaat yang diperoleh lebih besar berbanding kemudaratan.

Refleksi Kaedah Fiqh

Tanggungian kemudaratan khas untuk mengelakkan kemudaratan umum	يتحمل الضرر الخاص لدفع ضرر عام
Tindakan pemimpin ke atas rakyatnya tertakluk kepada <i>masalah</i>	تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة
Mengelak keburukan diutamakan ke atas mendapat kemaslahatan	درء المفاسد مقدم على جلب المصالح
Apabila berlaku pertembungan antara dua keburukan, keburukan yang lebih besar dicegah daripada berlaku dengan menanggung keburukan yang lebih ringan.	إذا تعارضت مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما
Perkara-perkara darurat diukur menurut kadar keperluan	الضرورات تقدر بقدرها


CIRI-CIRI TADBIR URUS KELUARGA MALAYSIA KELUARGA SEJAHTERA

- Meletakkan Maqasid Syariah sebagai matlamat akhir untuk dicapai oleh para pemimpin dalam memelihara kemaslahatan awam melalui dasar dan polisi kerajaan.
- Melaksanakan tadbir urus yang cekap melalui sistem penyampaian yang berkesan dan konsisten.
- Memelihara hubungan dengan Pencipta, manusia dan persekitaran melalui penerapan nilai dan etika dalam kalangan pemimpin dan warga organisasi.

Ciri-ciri ini, meskipun terpakai pada setiap peringkat kerajaan, namun secara prinsipnya juga terpakai pada lapisan individu, keluarga, masyarakat dan organisasi.


KOMPONEN KEJAYAAN TADBIR URUS KELUARGA MALAYSIA KELUARGA SEJAHTERA

- Kepimpinan** – Pemimpin hendaklah memainkan peranan yang besar dalam memahami kerangka pensyariaan Islam dan membudayakannya dalam organisasi.
- Dasar dan Polisi** – Dasar dan polisi yang digubal atau dilaksanakan hendaklah menekankan aspek pemeliharaan *masalah* untuk memastikan kesejahteraan semua pihak.
- Warga organisasi** – Semua warga organisasi perlu memahami dan menghayati kerangka pensyariaan Islam agar ianya dapat diterapkan dalam diri setiap individu dan diterjemahkan melalui program-program penyampaian perkhidmatan yang dilaksanakan.
- Nilai dan Etika** – tujuh nilai dan etika dalam tadbir urus yang perlu dipelihara oleh pemimpin dan sekalian warga ialah:



Ciri-ciri tadbir urus yang berteraskan Maqasid Syariah akan tercapai apabila ia dizahirkan melalui komponen-komponen kejayaan tadbir urus seperti yang berikut:





BAB 6

MODEL MEKANISME PELAKSANAAN PADA PERINGKAT AGENSI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)



PELAKSANAAN PADA PERINGKAT AGENSI DI JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) (HAL EHWAL AGAMA - HEA)

Pelaksanaan *I-MaqSD* 2021, iaitu kajian saintifik untuk mengukur tahap pengaplikasian Maqasid Syariah dalam fungsi organisasi agensi-agensi di JPM (HEA), telah dilaksanakan dengan mengumpul data pelaksanaan fungsi agensi-agensi sepanjang tahun 2020 sehingga bulan April 2021. Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek pemeliharaan nyawa dan harta tidak mencapai tahap yang tinggi sedangkan dua perkara ini amat penting tatkala masyarakat sedang berdepan dengan situasi pandemik COVID-19. Aspek pemeliharaan keturunan pula berada pada tahap yang baik namun masih perlu diperkasakan. Dua aspek tertinggi ialah pemeliharaan agama dan akal. Aspek pemeliharaan agama lebih banyak tertumpu kepada pengukuhan institusi agama pada peringkat Persekutuan manakala aspek pemeliharaan akal lebih banyak dilaksanakan melalui program-program pembudayaan ilmu.

Hasil kajian ini memberi isyarat penting bahawa satu kaedah tadbir urus untuk menangani isu ini amat diperlukan agar kesejahteraan rakyat dapat dipelihara.

INISIATIF MANTAP DAN PENERAPAN PRINSIP MASLAHAH

Dengan hasrat agar rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa akan berganding bahu memulihkan negara daripada impak-impak negatif akibat COVID-19, YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di JPM (HEA) telah memperkenalkan **Inisiatif Mantap** yang merangkumi lima inisiatif utama iaitu:

- a. Pemantapan mental, jasmani dan rohani.
- b. Pemantapan sistem pendidikan Islam.
- c. Pemantapan institusi kekeluargaan, sosial dan komuniti Islam.
- d. Pemantapan institusi masjid dan surau.
- e. Pemantapan sosio-ekonomi ummah.

Inisiatif Mantap dilaksanakan dengan mengambil kira penerapan lima prinsip *maslahah* seperti berikut:

- a. Prinsip memelihara agama ditekankan dalam Inisiatif Pemantapan Mental, Jasmani dan Rohani, Inisiatif Pemantapan Sistem Pendidikan Islam dan juga Inisiatif Pemantapan Institusi Masjid dan Surau.
- b. Prinsip memelihara nyawa pula ditekankan dalam pelaksanaan Inisiatif Pemantapan Institusi Kekeluargaan, Sosial dan Komuniti Islam dan Inisiatif Pemantapan Sosio Ekonomi Ummah.
- c. Prinsip memelihara akal ditekankan dalam Inisiatif Pemantapan Mental, Jasmani dan Rohani, Inisiatif Pemantapan Pendidikan Islam dan juga Inisiatif Pemantapan Institusi Masjid dan Surau.
- d. Prinsip memelihara keturunan pula ditekankan dalam pelaksanaan Inisiatif Pemantapan Mental, Jasmani dan Rohani dan Inisiatif Pemantapan Institusi Kekeluargaan, Sosial dan Komuniti Islam.
- e. Prinsip memelihara harta diberi perhatian penuh dalam melaksanakan Inisiatif Pemantapan Institusi Masjid dan Surau dan Inisiatif Pemantapan Sosio Ekonomi Ummah.



Melalui penerapan seumpama ini, prinsip-prinsip tersebut dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang disusun melalui pelan strategik. Ciri-ciri Keluarga Malaysia turut diambil kira bagi mengukuhkan pelaksanaan prinsip-prinsip itu. Sebagai contoh, konsep penerapan yang dimaksudkan ini dapat diperhatikan melalui Jadual 6.

Inisiatif Mantap	Pemeliharaan Masalah	Contoh program	Nilai & Ciri Keluarga Malaysia
Pemantapan Mental, Jasmani dan Rohani	Agama Akal Nyawa Keturunan	Talian MyCare Cov-19	Kesyukuran: • Beriman • membudayakan amalan sihat fizikal dan mental
Pemantapan Sistem Pendidikan Islam	Agama Akal	Program Inspirasi Pendidikan	Kesyukuran: • Beriman • Membudayakan amalan sihat fizikal dan mental • Kasih sayang • Hormat dan taat
Pemantapan Institusi Kekeluargaan, Sosial dan Komuniti Islam	Nyawa Keturunan	Kempen Penerangan, Kesedaran dan Pencegahan Undang-Undang Jenayah Syariah	Keterangkuman: • Membina akhlak mulia seluruh anggota keluarga Kebersamaan: • Memastikan suasana harmoni dapat dikecapi keluarga • Menjaga kehormatan dan maruah keluarga • Menyemai semangat keamanan dan kesejahteraan dalam diri ahli keluarga
Pemantapan Institusi Masjid dan Surau	Agama Akal Harta	Masjid sebagai pusat komuniti "One Stop Center"	Kesyukuran: • Beriman • Membudayakan amalan sihat fizikal dan mental
Pemantapan Sosio Ekonomi Ummah	Nyawa Harta	Program Pembangunan Usahawan Asnaf (Kerjasama strategik dengan SME Bank dan Maybank)	Kebersamaan: • Kebertanggungjawab-an terhadap keluarga • Menyemai semangat prihatin untuk membantu ahli keluarga

Jadual 6: Contoh penerapan pemeliharaan masalah serta nilai dan ciri Keluarga Malaysia

Inisiatif ini digerakkan dengan mengambil kira tadbir urus organisasi berteraskan Maqasid Syariah. Komponen-komponen kejayaan tadbir urus, iaitu kepimpinan, dasar dan polisi, warga organisasi serta nilai dan etika digerakkan secara bersepadu dalam ruang lingkup bidang kuasa setiap agensi di JPM (HEA) untuk memastikan sistem penyampaian yang berkesan bagi memastikan kesejahteraan rakyat secara amnya.



PENUTUP

Rakyat Malaysia perlu berganding bahu untuk memulihkan negara daripada kesan-kesan pandemik COVID-19. Justeru, gagasan Keluarga Malaysia adalah satu gagasan yang amat wajar diketengahkan bagi mencapai matlamat ini. Perpaduan dalam kepelbagaian amat penting agar masyarakat berbilang agama, bangsa dan budaya akan dapat beriltizam dan bersatu hati untuk mendepani sebarang cabaran yang mendatang.

Seluruh Keluarga Malaysia perlu berusaha bukan sahaja untuk mencapai kesejahteraan tetapi juga untuk mengekalkan kesejahteraan tersebut agar setiap insan dapat mengecapi kehidupan yang aman dan makmur. Asas utama untuk mencapai kesejahteraan adalah dengan mengukuhkan akidah dan pegangan terhadap agama Islam.

Pemahaman mengenai Maqasid Syariah dapat memandu manusia ke arah perpaduan dan kesatuan yang utuh kerana paksinya ialah ke-Esaan Allah selain potensinya untuk menjadi titik kesatuan yang paling utama dalam kalangan manusia. Penghayatan terhadap Maqasid Syariah akan dapat mewujudkan Keluarga Malaysia yang sentiasa memastikan keharmonian hidup pelbagai agama dan bangsa berlandaskan pengukuhan akhlak dan nilai-nilai murni.

Pemeliharaan *masalah* yang merupakan objektif utama pensyiaran berupaya menjadi panduan dalam mendepani pelbagai cabaran dan pertembungan kepentingan pelbagai agama dan bangsa. Prinsip pemeliharaan *masalah* menjadi mekanisme paling ampuh untuk menyelesaikan sebarang isu atau konflik di samping memelihara kesejahteraan rakyat secara amnya.

Aspirasi Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera akan dapat membantu meningkatkan kemakmuran dan keharmonian masyarakat, memperkukuhkan tindakan kerajaan dalam mendepani sebarang cabaran serta memastikan kestabilan sosial, ekonomi dan politik untuk kepentingan bersama.



RUJUKAN

- Abd Al-Ati, Hammudah. 1977. *The Family Structure in Islam*. Amerika Utara: American Trust Publication.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1993. *The Meaning and Experience of Happiness in Islām*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- _____. 2001. *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Buti, Muhammad Said Ramadan. 1973. *Dawabit al-Maslahah fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassash al-Risalah.
- Al-Fasi, Allal. 1993. *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Beirut: Dar al-Qarb al-Islami.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 2000. *Al-Mustasfa fi Ilm al-Usul*. Ed. Abdul Salam Muhammad. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Raysuni, Ahmad. 1999. *Al-Fikr al-Maqasidi Qawa'iduh wa Fawa'iduh*. Casablanca: Matba'ah al-Najah al-Jadidah.
- Ali Jumu'ah. 2012. *Al-Namazij al-Arba'ah min Hady al-Nabi SAW fi al-Ta'ayush Ma' al-Akhar: Al-Asas wa al-Maqasid*. Dar al-Faruq.
- Chapra, M. Umer. 2008. "The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid al-Shariah." *Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank* 1-55. doi:10.13140/RG.2.1.4188.5047.
- Dewan Bahasa & Pustaka. 2017. *Sejahtera*. Capaian 12 Disember, 2021. <https://prpm.dbp.gov.my/cari?keyword=sejahtera>.
- Dzulkifli Abdul Razak, Nasha Rodziadi Khaw, Zulkifly Baharom, Mahazan Abdul Mutalib, and Hood Mohd Salleh. 2018. "Decolonising the Paradigm of Sustainable Development through the Traditional Concept of Sejahtera." Dalam *Academia and Communities-Engaging for Change*, oleh Zinaida Fadeeva, Laima Galkute dan Kiran Chhokar, 210-219. United Nations University, Institute for Advance Study of Sustainability (UNU-IAS).
- _____. 2018. "What is Sejahtera?" *New Straits Times*.
- Ibn Ashur, Muhammad Tahir. 1998. *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah*. Ed. Muhammad al-Tahir al-Misawi. Kuala Lumpur: Al-Basair li al-Intaj al-Ilmi.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2021. "Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia." *Jabatan Perangkaan Malaysia*. Capaian 12 Disember, 2021. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php/index.php?r=column/cthemedByCat&cat=477&bul_id=a0EzVVRiRGg3U0hISnFMWUdJa3E4dz09&menu_id=U3VPMIdoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09.
- Kamal Hassan. 2020. *The Malay Concept of SEJAHTERA from an Islamic Perspective: An Introduction*. Capaian 12 Disember, 2021. <https://www.iium.edu.my/centre/centris/the-malay-concept-of-sejahtera-from-an-islamic-perspective-an-introduction>.
- Kementerian Perpaduan Negara. 2021. *Dasar Perpaduan Negara*. Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Kraut, Richard. 2015. "Aristotle on Well-being." Dalam *The Routledge Handbook of Philosophy of Well-Being*, oleh Guy Fletcher, 20-27. The Routledge. doi:<https://www.routledgehandbooks.com/doi/10.4324/9781315682266.ch2>.
- Muslihuddin Sa'di. 1880. *The Gulistān (Rose Garden)*. Edward B. Eastwick (penterjemah). 2nd ed. London: Trübner & Co., Ludgate Hill.
- Shohana Hussin. 2010. "Kesejahteraan dan Kedamaian melalui Pembangunan Modal Insan: Kajian Teks Hidayah al-Salikin." Dalam Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat. 24 - 25 Februari 2010, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam.

PENAUNG

YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

YB Datuk Ahmad Marzuk Bin Shaary

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

PENASIHAT

YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

YBhg. Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

AHLI PANEL

YBrs. Dr. Mohd Zaidi bin Ismail – IKIM

Puan Nor Safina binti Zainal – JAKIM

YBrs. Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahrin – IKIM

YBrs. Prof. Dr. Arieff Salleh bin Rosman – UTM

Puan Hajah Siti Fatimah binti Abd Rahman – IKIM

En. Nushi Bin Mahfodz – Pejabat Menteri di JPM (HEA)

En. Azman bin Mat Hassan – JAKIM

Dr. Wan Nadzirah binti Wan Mohamad – JAKIM

En. Mohd Noor bin Omar – IKIM

Puan Enizahura binti Abdul Aziz – IKIM

Dr. Mohd Izwan bin Md Yusof – Pejabat Menteri di JPM (HEA)

En. Muhammad Syafiq bin Borhanuddin – IKIM

Puan Nor Shaidayani binti Samah – JAKIM

Dr. Taqwa binti Zabidi – JAKIM

En. Mohd Bukhari bin Haliah – JAKIM

Puan Nor Faiezah binti Mohd Zainal – JAKIM

En. Muhammad Fauzan bin Ab Manan – JAKIM

En. Mohammad Akmal Amin bin Mahamat – JAKIM